

13 MAY 2000

UMNO: RAFIDAH TIDAK GULUNG PERBAHASAN BUKAN KERANA TAKUT KENA BOO

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Rafidah Aziz berkata beliau tidak menggulung perbahasan pada perhimpunan agung Umno hari ini kerana tiada isu membabitkan kementerianya dibangkit semasa perbahasan, bukannya kerana takut kena boo oleh perwakilan.

Ketua Wanita Umno yang baru itu berkata beliau tidak diarahkan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya jangan berucap.

Sambil beristighfar Rafidah berkata: "Buat apalah buat dosa. PM tak pernah arah (supaya) ucap atau tak ucap...ikut suka lah," katanya apabila ditanya pemberita adakah beliau diarahkan oleh presiden supaya jangan berucap.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata: "Buat apalah buang masa perwakilan aje. Saya dah 25 tahun dalam MT (Majlis Tertinggi)...dah jenuh berucap setiap tahun," katanya.

Beliau juga tidak berminat untuk bercakap mengenai kejadian beliau di "boo" oleh anggota perwakilan setiap kali namanya disebut semasa persidangan dijalankan.

"Tak payahlah jawab pasal "boo"...Tak sentuh pun," katanya.

Wakil Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin semalam menasihatkan Rafidah supaya "zip" sedikit mulutnya.

Dr Mahathir mencuit hati perwakilan hari ini dengan berkata "kalau nak zip habis tak boleh, kadang-kadang kena buka juga..."

Menjawab soalan pemberita, Rafidah berkata beliau yakin Dr Mahathir akan menimbangkan cadangan Wanita supaya melantik dua anggotanya iaitu Naib Ketua Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan exco wanita Dr Norraesah Mohamad untuk menduduki Majlis Tertinggi.

Kedua-dua mereka merupakan antara lima calon wanita yang gagal dalam pertandingan jawatan MT yang mendapat undi terbanyak.

-- BERNAMA.

HK/NIN RON